

11 AUG 2003

SNAP-BN/I

EDWIN YAKIN SNAP AKAN DIKEKALKAN DALAM BN

KUCHING, 11 Ogos (Bernama) -- Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) Edwin Dundang hari ini berkata parti itu "diselubungi kegembiraan" berikutan laporan bahawa dewan tertinggi Barisan Nasional (BN) akan bermesyuarat bulan depan bagi memperjelaskan status keanggotaannya dalam pakatan pemerintah itu.

Laporan akhbar hari ini memetik Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohammad Rahmat sebagai berkata status SNAP dalam BN akan menjadi antara isu yang akan dibincangkan pada mesyuarat dewan tertinggi BN akan datang yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, tarikh mesyuarat itu masih belum ditetapkan.

Edwin memberitahu Bernama bahawa beliau, parti itu dan anggota-anggotanya di seluruh Sarawak amat gembira setelah mendapat tahu bahawa isu SNAP akan dibangkitkan dalam mesyuarat dewan tertinggi BN.

"Kita akan dapat menyelesaikan masalah ini tidak lama lagi," katanya dengan penuh keyakinan. Pada hakikatnya, mereka menjangkakan dewan tertinggi BN akan bertemu selepas sahaja pertemuan mereka dengan Dr Mahathir di Kuala Lumpur bulan lepas.

Edwin menggambarkan petunjuk itu sebagai "positif" selepas beliau dan beberapa pemimpin kanan parti yang lain, termasuk Timbalan Presiden Datuk Justine Jinggut dan Setiausaha Agung Edmund Stanley Jugol mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri.

Semalam, Mohammad berkata dewan tertinggi BN perlu membincangkan status SNAP memandangkan mahkamah telah membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman sementara menunggu keputusan akhir perbicaraan di mahkamah berkaitan permohonan parti itu untuk semakan semula penghakiman keputusan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) November lepas untuk membatalkan pendaftaran SNAP.

Pemerhati berpendapat ini merupakan petunjuk bahawa SNAP berkemungkinan besar dikekalkan keanggotaannya dalam BN sehingga keputusan akhir perbicaraan berkaitan permohonan parti itu untuk membatalkan keputusan ROS.

Tarikh perbicaraan itu ditetapkan Disember ini.

Edwin mengambil alih jawatan Presiden SNAP pada perhimpunan agung tahunan tiga tahun sekali parti berkenaan awal tahun ini berikutan peletakan jawatan Datuk Amar James Wong Kim Min selepas menerajui parti itu sejak 1981.

-- BERNAMA

SCC RDY MT ROS